

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERASMIAN MENARA BANK PEMBANGUNAN

TEMPAT: JALAN SULTAN ISMAIL, KUALA LUMPUR

TARIKH: 03 AUG 1988

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Dato' Napsiah Omar,
Menteri Perusahaan Awam;

Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Samad Idris,
Pengerusi Lembaga Pengarah Bank
Pembangunan;

Yang Berhormat-Yang Berhormat;

Dif-dif Kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan,

Syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana
dengan izinNya dapat kita bersama-sama di majlis ini.

2. Saya mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah
dan pihak pengurusan Bank Pembangunan kerana menjemput saya
ke majlis ini dan seterusnya untuk merasmikan Menara Bank
Pembangunan ini. Adalah diharapkan dengan terbinanya sebuah
bangunan khas untuk Bank ini dan dengan kemudahan-kemudahan
yang terdapat, prestasi Bank Pembangunan akan dapat
ditingkatkan lagi.

3. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah
kepada pihak pengurusan dan kakitangan bank ini sempena
genapnya 14 tahun Bank Pembangunan menjalankan operasinya.
Saya percaya semua kakitangan akan berusaha dengan penuh
azam, tekun dan bersungguh-sungguh untuk memberi
perkhidmatan yang lebih baik.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Bank Pembangunan merupakan salah sebuah institusi
keuangan yang ditubuhkan khas untuk membiayai projek-projek
perindustrian, terutamanya industri-industri kecil. Bank
Pembangunan telah memberi pinjaman berjuta-juta ringgit
kepada usahawan-usahawan bumiputera dan Bank ini juga
memberi beberapa jenis kemudahan dan khidmat kepada
usahawan-usahawan industri-industri kecil.

Industri-industri kecil adalah penting kepada pembangunan
ekonomi negara dan dengan itu Kerajaan berharap Bank
Pembangunan akan terus berusaha untuk meningkatkan
peranannya sebagai agensi kredit yang penting bagi industri
jenis ini.

5. Kita mengetahui bahawa industri-industri kecil membantu

memastikan pembangunan struktur perindustrian yang kukuh dan dapat menghasilkan pertumbuhan jangka panjang.

Industri-industri kecil penting juga kepada industri-industri yang sedia ada dan ianya akan dapat mewujudkan satu rangkaian antara industri atau inter-industry linkages. Dengan itu Kerajaan akan terus mengambil berbagai langkah bagi menggalakkan perkembangan industri kecil. Di samping itu usaha-usaha harus juga ditumpukan bagi memperbaiki dan memodenkan industri-industri kecil. Program khas Pembangunan Industri Kecil yang dijalankan oleh Kerajaan dengan kerjasama Bank Dunia, adalah salah satu usaha yang dinamik dalam memberi kemudahan kredit dan bantuan teknik kepada para pengusaha industri kecil.

6. Kerajaan juga berharap agensi-agensi awam yang bertanggungjawab ke atas industri kecil, termasuklah Bank Pembangunan ini, akan berusaha mewujudkan perhubungan rapat dengan agensi-agensi penyelidikan seperti SIRIM, MARDI, RRI dan PORIM. Agensi-agensi penyelidikan mungkin dapat membantu usaha meningkatkan piawaian atau standard keluaran, serta memperbaiki rekabentuk dan mutu keluaran barangan industri kecil. Inilah faktor-faktor penting bagi meningkatkan keupayaan bersaing keluaran kita, terutama barangan yang hendak dieksport ke pasaran antarabangsa.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Bank Pembangunan dalam membiayai projek-projek industri kecil menumpukan perhatian kepada industri-industri kecil milik bumiputera. Salah satu strategi Kerajaan untuk meluaskan perindustrian di negara kita ialah meningkatkan bilangan industri-industri kecil. Industri seperti ini lebih senang disertai oleh bumiputera dan menjadi tapak atau permulaan yang bermakna bagi bumiputera menyertai perindustrian yang lebih besar lagi. Dengan itu, Kerajaan akan terus memberi galakan kepada apa juga usaha yang dapat meningkatkan lagi bilangan industri-industri kecil milik bumiputera di negara kita.

8. Walau bagaimanapun, pembangunan industri kecil di negara kita ini tidaklah berkembang seperti yang diharapkan oleh Kerajaan. Kelembapan dalam pertumbuhan industri-industri jenis ini haruslah dikaji oleh semua agensi awam yang terlibat. Salah satu faktor utama yang menyebabkan pertumbuhan itu tidak cepat ialah sikap negatif di kalangan pengusaha-pengusaha industri kecil sendiri.

9. Masih lagi terdapat sikap mengharap bantuan yang banyak daripada Kerajaan oleh pengusaha-pengusaha industri kecil, di antaranya termasuklah kemudahan pengecualian cukai dan kemudahan infrastruktur yang berlebihan. Dalam hal ini, para pengusaha industri kecil kebanyakannya telah gagal mengamalkan cara-cara pengurusan yang baik. Oleh kerana ini mereka tidak dapat mengusahakan perniagaan mereka dengan berkesan dan kerap juga mengalami kerugian. Sepertimana kita sedia maklum, untuk memastikan kejayaan, tidak ada jalan lain kecuali bekerja dengan tekun dan

bersungguh-sungguh, berjimat-cermat serta mentadbir dan menguruskan sesuatu perniagaan itu dengan cekap dan bertanggungjawab.

10. Keupayaan Kerajaan untuk membantu adalah terhad. Terpulanglah kepada seseorang pengusaha atau peniaga menentukan kejayaan masing-masing. Kejayaan apa juga perniagaan tidak semestinya merupakan perniagaan yang bernilai berjuta-juta ringgit. Kita harus ingat bahawa perniagaan yang besar walaupun mungkin memberi keuntungan yang besar, tetapi apabila rugi, kerugiannya juga besar. Adalah lebih baik bermula dengan perniagaan yang kecil yang diurus dengan cekap supaya untung, dan kemudian dibesarkan mengikut kemampuan sendiri daripada berhutang dengan banyak untuk membesarkan perniagaan. Kita juga harus ingat jikalau kita rugi wang atau duit kita sendiri, kita tidak akan diburu oleh sesiapa. Tetapi jikalau kita meminjam duit dan mengalami kerugian, kita mungkin menjadi bankrap.

11. Kerajaan berasa sukacita melihat semakin ramai peniaga-peniaga bumiputera yang melibatkan diri dalam perniagaan-perniagaan kecil dan sederhana. Kerajaan juga merasa gembira bahawa perniagaan-perniagaan mereka ini berjalan dengan baik dan meningkat maju. Saya berharap kejayaan-kejayaan ini akan menjadi contoh kepada pengusaha-pengusaha bumiputera yang lain dan juga kepada bumiputera yang ingin menceburkan diri dalam bidang perusahaan dan perniagaan. Kita hendaklah berhati-hati sebelum berniaga. Anggapan bahawa pengetahuan mengurus tidak perlu dipelajari adalah salah. Walaupun ada orang-orang yang mempunyai kecekapan mengurus secara semulajadi, bilangan mereka adalah kecil. Di zaman moden ini, para pengurus perlu kepada latihan dan pengalaman.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyentuh sedikit mengenai bangunan-bangunan yang tersergam indah yang terdapat di Kuala Lumpur. Sepertimana kita maklum, sekarang terdapat banyak bangunan pencakar langit di ibukota. Bangunan-bangunan ini cantik dan indah, tetapi malangnya selepas beberapa waktu bangunan-bangunan ini serta kawasan-kawasan persekitarannya tidak dijaga dengan sempurna. Ini mendukacitakan kerana wang yang banyak telah dibelanjakan bagi membina bangunan-bangunan yang besar ini. Saya berharap pihak-pihak yang bertanggungjawab hendaklah juga memberi keutamaan kepada penyelenggaraan bangunan-bangunan tersebut supaya sentiasa terjaga. Tidak ada sesuatu yang begitu tidak menarik seperti bangunan yang buruk sebelum masanya. Dalam hal ini, saya berharap Bangunan Bank Pembangunan ini akan diselenggarakan dengan sempurna supaya di samping menarik penyewa yang akan menolong membiayai penyelenggaraannya, ia juga menjadi lambang kemegahan kepada kita semua.

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah Bank Pembangunan kerana menjemput saya melakukan upacara perasmian ini. Saya berharap Bank Pembangunan akan menempa banyak lagi kejayaan bagi manfaat masyarakat dan negara.

14. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Menara Bank Pembangunan ini.